

## KURSUS CANVA ADVANCE AI MANTAPKAN KEMAHIRAN AHLI KOPERASI



Dua dari kanan iaitu Encik Abdul Rahim Llin, Setiausaha Kopmedia, bergambar bersama peserta kursus Canva AI



Encik Mahathir Abdu sedang mengajar peserta kursus

**SEPTEMBER 2025** - Koperasi Media Prima Berhad (KOPMEDIA) menerusi KNSTP Smart Solutions telah mengadakan Kursus Canva Advance AI (Artificial Intelligence) di Bilik Mesyuarat Koperasi di Mutiara Bangsar, Kuala Lumpur pada 22 & 23 September.

Kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya membabitkan enam peserta dari Koperasi Tenaga Nasional Berhad dan Koperasi Seberguna Anak-Anak Selangor Berhad.

Di bimbing oleh Encik Mahathir Abdu, pakar pemasaran digital yang juga Certified AI Trainer, kursus ini memberi pendedahan menyeluruh dalam penggunaan Canva serta integrasi AI.

Ia bertujuan menjimatkan masa dalam penyediaan bahan kreatif, penghasilan reka bentuk profesional berkualiti tinggi dan menarik.

Dengan pendedahan ini, peserta kini lebih bersedia untuk mengaplikasikan kreativiti digital mereka ke arah peningkatan imej dan daya saing koperasi.

Acara turut diserikan dengan penyampaian sijil oleh Encik Abdul Rahim Llin, Setiausaha Koperasi Media Prima Berhad kepada peserta kursus.

#MajuKoperasiAnggotaBahagia  
#KOPMEDIA